

NO SOALAN : 64

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG @
TIAN CHUA
(BATU)**

**TARIKH : 20.5.2015
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah kos penyelenggaraan tahunan kapal selam Scorpene. Apa sumbangan sebenar kapal selam dalam meningkatkan keselamatan di Sabah dan Laut China Selatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kedua-dua buah kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) diselenggarakan di bawah Kontrak *In Service Support* (ISS) yang bernilai Euro 193 juta (perolehan terus dari Perancis) dan RM 532 juta (perolehan tempatan) untuk tempoh selama 6 tahun. Nilai kontrak ini merangkumi selenggaraan ke atas kapal selam dan juga pembangunan infrastruktur, alat ganti dan pemindahan teknologi.

Salah satu fungsi utama Kapal Selam ialah mengawasi Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan kepentingan strategik negara. Semasa perang/ konflik, kapal selam bertindak sebagai pertahanan *Sea Line of Communication* (SLOC) dengan memastikan laluan kapal dagang bebas dari ancaman musuh serta penghantaran logistik di SLOC berjalan lancar di Laut China Selatan serta Sabah. Selain itu, kapal selam merupakan *gate keeper* untuk menjaga laluan kapal di perairan Negara serta berkeupayaan melancarkan serangan

bagi mengatasi sebarang bentuk ancaman dari permukaan dan bawah permukaan laut.

Semasa waktu aman pula, kapal selam merupakan aset cegah rintang yang efektif serta berupaya mengumpul data perisikan di Laut China Selatan mahupun ketika di perairan antarabangsa. Ianya juga berfungsi untuk mengenal pasti kapal perang negara asing atau kapal dagang yang melalui kawasan SLOC negara. Justeru itu, kehadiran kapal selam dapat meningkatkan kawalan perairan dan kawasan berkepentingan negara demi memastikan kedaulatan Malaysia tidak dicerobohi.